



Ruj. Kami: PASB/LI/2025/01

Tarikh: 20 MEI 2025

Penyelaras Latihan Industri

Jabatan Kejuruteraan Awam

Jabatan Perdagangan

Politeknik Sultan Idris Shah

Sungai Lang

45100 Sungai Air Tawar

Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

PER: PERMOHONAN PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa syarikat kami, **Pemada Alam Sdn. Bhd.**, yang merupakan kontraktor bumiputera kelas G7, ingin menawarkan tempat kerja pelajar untuk menjalani latihan industri besar syarikat industri.
3. Syarikat kami merupakan sebuah syarikat pembinaan yang beroperasi di Bandar Puteri Bangi, Selangor. Kami mempunyai beberapa projek yang sedang dijalankan di sekitar Selangor dan Johor. Keutamaan syarikat kami adalah di dalam bidang kejuruteraan awam, terutama infrastruktur dan ubah suai bangunan.
4. Sehubungan itu, kami berbesar hati untuk menawarkan latihan industri dan kami berharap pihak tuan/puan dapat mempertimbangkan permohonan ini bagi tujuan pendaftaran syarikat kami sebagai penyedia tempat latihan industri yang sah di bawah Politeknik khususnya untuk pelajar-pelajar yang berkelayakan dalam bidang berikut:
 - a) Ukur Bahan (Quantity Surveyor)
 - b) Pentadbiran / Pengurusan Pejabat (Administration / Office Management)
5. Tempoh latihan yang ditawarkan adalah selama **tiga (6) bulan**, tertakluk kepada keperluan program pengajian dan kesesuaian pelajar.
6. Syarikat kami komited untuk menyediakan bimbingan dan pendedahan praktikal dalam persekitaran kerja sebenar bagi membantu pelajar meningkatkan kompetensi dan kefahaman industri sebelum melangkah ke alam pekerjaan.
7. Di samping itu, syarikat kami turut menyediakan elaun bulanan sebanyak **RM500** kepada pelajar latihan industri serta kemudahan tempat tinggal. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif kami untuk memastikan kebajikan pelajar terpelihara sepanjang tempoh latihan.
8. Sebarang maklumat lanjut berkaitan permohonan ini boleh dikemukakan kepada kami melalui talian **03-3831 5845** atau emel syarikat kami di **pemadaalam2020@gmail.com**.




PEMADA ALAM SDN. BHD.

855343-A

NO.20-2, JALAN PUTERI 2A/3, BANDAR PUTERI
BANGI, 43000 KAJANG SELANGOR

013-884 7828 / 03-3831 5845

pemadaalam2020@gmail.com



Bersama - sama ini dilampirkan profil syarikat bagi rujukan pihak tuan/puan. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD NOH BIN SUFA'AT

Pengarah

Pemada Alam Sdn. Bhd.

